

KAJIAN MENGENAI SISTEM PENGHULU
DI NEGERI PULAU PINANG SELEPAS PERANG
DUNIA KEDUA HINGGA ZAMAN KEMERDEKAAN

oleh

CHOY WAI LENG

ARKIB

rb
fAC895
M22C554

PRAKATA

1.0 PENGENALAN

1.1 Geografi Pulau Pinang dan Seberang Prai

1.2 Sejarah Pulau Pinang dan Seberang Prai

TAJUK: KAJIAN MENGENAI SISTEM PENGHULU DI NEGERI

2.0 STRUKTUR PULAU PINANG SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

2.1 HINGGA ZAMAN KEMERDEKAAN

2.2 Struktur Musim

3.0 PERKAWAJIAN PENGHULU

3.1 Umum

Oleh : CHOY WAI LENG

3.2 Di negeri-negeri Melayu

3.3 Di Negeri Pulau Pinang

4.0 RAJ

5.0 PERANAN DAN TUGAS PENGHULU

Suatu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan

sejarah (HSM 411/412 : Dokumen-Dokumen Dalam

Sejarah Malaysia) bagi Pengijazahan Sarjana

Muda Sastera dalam Pusat Pengajian Ilmu

Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.

6.0 PENYUTUP

7.0 LAMPIRAN-LAMPIRAN 1, 2, 3, 4 & 5

Sidang 1988/89

PRAKATA

TUJUAN

PRAKATA saya memilih tajuk ini sebagai kajian kerana
selama ini tidak ada orang pernah mengkaji sistem

1.0 Pengenalan

1.1 Geografi Pulau Pinang dan Seberang Prai

1.2 Sejarah Pulau Pinang dan Seberang Prai

2.0 STRUKTUR ORGANISASI DAN PENTADBIRAN NEGERI PULAU PINANG

2.1 Struktur Daerah

2.2 Struktur Mukim

3.0 PERJAWATAN PENGHULU

3.1 Umum dan Awang yang memberi kebenaran kepada

3.2 Di negeri-negeri Melayu serta memberi kemudahan

3.3 Di Negeri Pulau Pinang bahan-bahan dan dokumen-
dokumen asal. Tidak lupa juga saya menggunakan rujukan

4.0 GAJI yang diberikan kepada semua staff yang bertugas di Arait

Negeri Cawangan Pulau Pinang kerana sudi memberi

5.0 PERANAN DAN TUGAS PENGHULU yang diperlukan serta bahan-bahan
yang diperlukan.

6.0 PENGHULU ZAMAN KEMERDEKAAN

7.0 MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PENGHULU

8.0 PENUTUP

CHOI WAI LING

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

LAMPIRAN-LAMPIRAN 1,2,3,4 & 5

PRAKATA

TUJUAN

Saya memilih tajuk ini sebagai kajian kerana selama ini tidak ada orang pernah mengkaji sistem penghulu di Negeri Pulau Pinang. Sejak British membawa satu sistem pentadbiran bercorak birokratik, tugas seorang penghulu secara tidak langsung juga mengalami perubahan. Matlamat kajian saya ialah melihat perubahan sistem penghulu Negeri Pulau Pinang.

PENGHARGAAN

Semasa membuat kajian ini saya terhutang budi kepada Pengarah Arkib Negara Cawangan Pulau Pinang Encik Shafie bin Awang yang memberi kebenaran kepada saya menjalankan kajian di sana serta memberi kemudahan sepenuhnya kepada saya merujuk bahan-bahan dan dokumen-dokumen asal. Tidak lupa juga saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staff yang bertugas di Arkib Negara Cawangan Pulau Pinang kerana sudi memberi pertolongan dalam mencari fail-fail serta bahan rujukan yang diperlukan.

CHOY WAI LENG

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

1.0 Pengenalan

1.1 Geografi Pulau Pinang dan Seberang Prai

Pulau Pinang mempunyai kawasan seluas 403 batu persegi atau kira-kira 3 % daripada saiz Malaysia. Ia merupakan sebuah negeri yang kedua kecil di dalam Persekutuan Malaysia. Ianya terdiri daripada sebuah pulau iaitu Pulau Pinang dan sebahagian kawasan daratan di seberang pulau dikenali Seberang Prai. Pulau Pinang terletak di garislintang di antara 5° 7' hingga 5° 35' Utara dan garisbujur 100° 9' hingga 100° 32' Timur. Bentuknya hampir segiempat bujur dengan 15 batu panjang dan 9 batu lebar.

Seberang Prai mempunyai kawasan seluas 293 batu persegi, ianya juga berbentuk segiempat bujur dengan 45 batu panjang dan 8 batu lebar. Ia merupakan satu kawasan daratan di seberang Pulau Pinang dan diserahkan kepada orang British oleh Sultan Kedah pada tahun 1800. Kawasan Seberang Prai diberikan nama Province Wellesly oleh pentadbir Pulau Pinang untuk mengingati Gabenor India pada masa itu, Richard, Marquis of Wellesly, adik kepada Duke of Wellington yang berjaya mengalahkan Napoleon Bonaparte. ¹

1.2 Sejarah Pulau Pinang dan Seberang Prai

Pulau Pinang pada masa dahulu sebenarnya terletak di bawah wilayah Kedah. Wilayah Kedah pula di bawah naungan dua kuasa yang kuat iaitu Siam dan Burma. Akibat daripada dua pengaruh kuasa asing ini, Sultan Kedah terpaksa menghantar ufti kepada Siam dan Burma untuk memperolehi keamanan dalam negeri.

Perang saudara berlaku apabila Tengku Abdullah dilantik menjadi Sultan Kedah. Perlantikan ini menimbulkan tentangan hebat dari kerabat diraja yang akhirnya melibatkan campurtangan Bugis dari Selangor dan Perak. Sultan Kedah terpaksa berundur ke Kangar, Perlis. Di sinilah mulanya Sultan meminta bantuan daripada Inggeris dengan menulis